



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 12 NOVEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI JAMIN SEKURITI MAKANAN NEGARA, NASIONAL, SH -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	NAFAS ANJUR KARNIVAL JUALAN KELUARGA PELADANG DI BERA, MALAYSIA POST -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
3.	KARNIVAL JUALAN KELUARGA PELADANG DI BERA DAPAT SAMBUTAN LUAR BIASA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
4.	HARGA AYAM RMB DI KARNIVAL JUALAN KELUARGA PELADANG, EDISI 9 -ONLINE	
5.	ISMAIL SABRI TINJAU KARNIVAL JUALAN KELUARGA PELADANG, KOSMO -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	MAFI jamin sekuriti makanan negara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Nov 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	10	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	740 cm ²
Journalist	Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD	AdValue	RM 15,688
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,064

MAFI jamin sekuriti makanan negara

Makanan sebagai keperluan asas perlu diberi perhatian bagi memastikan pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara kekal progresif dan berdaya saing.

Demi menjamin kelangsungan sekuriti makanan negara, pelbagai usaha terus dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), dalam menampung keperluan rakyat yang dijangka meningkat lebih 45 juta orang menjelang 2050.



Pelbagai dasar dan pelan tindakan dilakukan oleh MAFI bagi meningkatkan pengeluaran makanan seterusnya menjamin bekalan demi kesejahteraan rakyat.

Dasar Agromakanan Negara 2.0 memastikan sekuriti makanan negara berdaya saing

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID
SHAH ALAM

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah melaksanakan pelbagai usaha berkaitan dasar, pelan tindakan sektorial, subsidi, insentif, pembiayaan, pindaan peraturan dan Rang Undang-Undang (RUU) di Parlimen.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, MAFI telah memperkenalkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021-2025.

DAN 2.0 adalah dasar menyeluruh bagi memastikan sekuriti makanan negara berdaya saing dan mampan berlandaskan dasar-dasar utama kerajaan iaitu Wawasan

Kemakmuran Bersama 2030, Agenda Pembangunan Mampan 2030 dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

DAN 2.0 juga merupakan kesinambungan kepada DAN 2011-2020 yang menyokong perkembangan komoditi agromakanan serta sekuriti makanan.

Beberapa faedah diperoleh daripada DAN 2.0 antaranya, sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia yang dijangka meningkat kepada lima peratus pada 2030 iaitu tahun akhir pelaksanaan dasar ini.

Bagi tahap sara diri (SSL) pula, bekalan makanan ruij negara iaitu beras dijangka meningkat daripada 63 kepada 80 peratus.

Jelas Ronald, MAFI telah memulakan langkah lebih awal melalui pelaksanaan program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) terhadap 150,000 hektar kawasan jelapang padi negara dengan sasaran meningkatkan purata hasil per hektar daripada 3.5 kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh RMK12.

Bagi industri ternakan, matlamat utama adalah peningkatan SSL daging lembu kepada 50 peratus dan susu segar kepada 100 peratus bagi mengurangkan kebangantungan import.

Sementara bagi industri perikanan dan akuakultur, matlamatnya untuk mengetsai

masalah pengurangan sumber perikanan dan meningkatkan SSL sumber ikan dari 90 ke paras 98 peratus serta tahap pendapatan nelayan daripada RM2,000 kepada RM2,724 hingga RM5,500.

Pendekatan DAN 2.0 bertujuan meletakkan pemodenan dan pertanian pintar sebagai *key game changer* dan tumpuan teras dasar utama bagi menayakan transformasi sektor agromakanan kepada sektor mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi.

Penubuhan jawatankuasa

Dasar kedua melibatkan Jawatankuasa Kabinet Mengenal Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh menteri-menteri serta agensi terlibat.

Ia berperanan merangka dasar sekuriti makanan negara yang holistik dan mampan bagi memastikan isu-isu sekuriti makanan ditangani dengan baik.

Jawatankuasa ini dibantu oleh Jawatankuasa Eksekutif Mengenal Dasar Sekuriti Makanan Negara yang berperanan sebagai *coordinating committee* dan dipengerusikan oleh Menteri MAFI.

Dasar yang ketiga ialah Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025, bagi memperkuh sekuriti makanan negara dengan mengambil kira isu dan cabaran di sepanjang rantaian bekalan makanan bermula daripada input pertanian hingga ke sisa makanan.

Terdapat beberapa strategi digariskan di bawah Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 antaranya, memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem makanan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti bertaskan skala ekonomika dan pertanian mampan.

Strategi lain ialah memperkasa penyelidikan dan pembangunan berteraskan sekuriti makanan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan serta input pertanian.

Pada masa kini, negara berupaya menghasilkan hampir semua bahan makanan asas yang diperlukan. Sebagai jaminan bekalan, Kementerian memberi penekanan untuk meningkatkan pengeluaran lapan bahan makanan asas dan memantau status bekalan secara berterusan untuk keperluan rakyat.

PELAKSANAAN TIGA DASAR UTAMA

Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0):

Memastikan sekuriti makanan negara berdaya saing dan mampan menerusi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Agenda Pembangunan Mampan 2030 dan RMK12.

Kesinambungan DAN 2011-2020 menyokong perkembangan komoditi agromakanan serta sekuriti makanan.

Jawatankuasa Kabinet Mengenal Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC):

Dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh menteri-menteri serta agensi terlibat.

Berperanan merangka dasar sekuriti makanan negara yang holistik dan mampan dan segala isu ditangani dengan baik.

Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021-2025:

Untuk memperkuh sekuriti makanan negara dari segi isu dan cabaran sepanjang rantaian bekalan makanan bermula daripada input pertanian hingga ke sisa makanan.

Memastikan sistem makanan kekal utuh pada setiap masa, khususnya dalam menghadapi situasi di luar jangkaan.



Pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN2.0) merupakan kesinambungan kepada DAN 2011-2020

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2022	MALAYSIA POST	ONLINE	

NAFAS anjur Karnival Jualan Keluarga Peladang di Bera



PERTUBUHAN Peladang Kebangsaan (NAFAS) menganjurkan Karnival Jualan Keluarga Peladang di Dataran Kerayong, Bera, Pahang, hari ini.

Program berkenaan merupakan pengisian bersama 'Karnival Keluarga Malaysia: Anak Muda Gegor Bera' bagi mengeratkan hubungan NAFAS dengan ahli Peladang serta masyarakat setempat.

Jurucakap proram berkata, karnival itu diadakan bermula jam 8.30 pagi hingga 1 tengah hari, dengan penganjuran pelbagai pameran dan jualan.

"Ia membabitkan penglibatan bersama jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan antaranya Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT),

"Selain Agrobank dan penglibatan sama Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) seta Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bera," katanya.

Selain itu, katanya, NAFAS juga akan menyediakan reruai pameran serta jualan input pertanian dengan potongan harga yang menarik.

"Orang ramai boleh mendapatkan pelbagai maklumat secara terperinci mengenai pelbagai maklumat, bantuan serta pelaburan yang boleh disertai sekiranya menjadi ahli peladang.

"Selain itu, turut akan diadakan jualan produk jenama Peladang yang berasaskan makanan antaranya ayam, beras, minyak masak serta input pertanian," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pengunjung juga boleh mendapatkan ayam bulat pada harga istimewa serendah RM8 bagi seekor ayam bulat pada waktu 'Happy Hour'.

"Ia Terhad kepada 500 ekor sahaja. Selain itu, pada waktu biasa, seekor ayam akan dijual pada harga RM10 terhad bagi 1,000 ekor sahaja," katanya.

Dalam karnival sama, NEKMAT juga akan menjual produk ikan segar beku Q-fish dengan tawaran harga menarik.

"Malah, pengunjung juga berpeluang membeli barangan menerusi jualan terus daripada ladang oleh FAMA. Selain itu, Agrobank juga akan membuka kaunter perkhidmatan kepada pelanggan," katanya.

Terdahulu, media melaporkan, pelbagai program menarik bakal berlangsung dalam Karnival Keluarga Malaysia: Anak Muda Gegor Bera, antaranya Santai eGames, Karnival Kerjaya dan pemeriksaan kesihatan secara percuma bermula jam 9 pagi sehingga 5 petang.

Konsert dibarisi artis terkenal pula akan berlangsung dari pukul 8.30 malam sehingga 11 malam.

Karnival yang berlangsung di Dewan Konvensyen Bera, dijangka dihadiri lebih 3,000 warga tempatan bakal dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. – Malaysiapost

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Karnival Jualan Keluarga Peladang di Bera dapat sambutan luar biasa



Orang ramai beratur bagi membeli barangan jenama Peladang yang dijual dengan harga lebih murah daripada harga pasaran sempena Karnival Jualan Keluarga Peladang anjuran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di Laman Kerayong, Bera, Pahang. Foto HAZROL ZAINAL, 12 NOVEMBER 2022.

BERA – Karnival Jualan Keluarga Peladang anjuran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) hari ini menerima sambutan luar biasa daripada menerusi pelbagai aktiviti berbentuk pameran dan jualan.

Penganjurannya membabitkan jabatan dan agensi bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Agrobank dan penglibatan sama Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) serta Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bera.



Pengerusi Jemaah Pengarah (NAFAS), Datuk Zamri Yaakob (kanan) melakukan gimik jualan murah ayam peladang yang dijual dengan harga RM8 seekor pada Karnival Jualan Keluarga Peladang anjuran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di Laman Kerayong, Bera, Pahang. Foto HAZROL ZAINAL, 12 NOVEMBER 2022.

Program pengisian bersama Karnival Anak Muda GEGOR Bera itu menyediakan ruang pameran serta jualan input pertanian dengan potongan harga yang menarik.

Lebih mengujakan, jualan ayam diadakan dengan harga serendah RM8 bagi seekor ayam bulat pada waktu *happy hour* namun ia terhad kepada 500 ekor sahaja.

Sementara NEKMAT pula menjual produk ikan segar beku Q-fish dengan tawaran harga menarik, disamping jualan terus daripada ladang oleh FAMA manakala Agrobank turut membuka kaunter perkhidmatan di karnival terbabit.



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob diiringi Pengerusi Jemaah Pengarah (NAFAS), Datuk Zamri Yaakob (dua kanan) bertanyakan sesuatu dengan salah seorang pelanggan pada Karnival Jualan Keluarga Peladang anjuran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di Laman Kerayong, Bera, Pahang. Foto HAZROL ZAINAL, 12 NOVEMBER 2022.

Seorang pengunjung warga tempatan, Rohana Hashim ketika ditemui teruja karnival jualan bermanfaat seperti

ini diadakan di Bera.

“Bagi orang-orang kampung di Bera ni, (program jualan) macam ini sangat bagus. Mak cik beli beras, ayam, nanas dan kerepek,” katanya.

Harapan beliau supaya program anjuran NAFAS itu dapat dianjurkan lebih kerap di masa depan.

Begitu juga dengan Azalina Mat Isa yang terlibat sebagai salah seorang peserta membuka gerai jualan di tapak karnival jualan tersebut.



Temubual bersama pengunjung, Azalina Mat Isa sempena Karnival Jualan Keluarga Peladang anjuran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di Laman Kerayong, Bera, Pahang. Foto HAZROL ZAINAL, 12 NOVEMBER 2022.

“Hari ini *best* sebab banyak barang murah. Beras, ayam, ikan, sotong, buah tembikai murah hari ini, sekilo hari ini RM1.50 sahaja. Sebiji RM8 lebih sahaja bagi sebiji tembikai.

“Patut buat (karnival jualan peladang) setiap tahun,” tambahnya.

Program tersebut turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) NAFAS, Datuk Zamri Yaakob yang meninjau sendiri sambutan warga Bera terhadap penganjuran karnival yang berakhir jam 1 tengah hari ini. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2022	EDISI 9	ONLINE	

Harga ayam RM8 di Karnival Jualan Keluarga Peladang



TAWARAN jualan ayam dengan harga serendah RM8 bagi seekor ayam menjadi tarikan pada Karnival Jualan Keluarga Peladang di Dataran Kerayong, Bera hari ini.

Tawaran yang dianjurkan [Pertubuhan Peladang Kebangsaan](#) (NAFAS) itu hanya terhad kepada 500 ekor sahaja selain pada waktu biasa, seekor akan dijual pada harga RM10 terhad bagi 1,000 ekor.

Objektif program Karnival Jualan Keluarga Peladang antara lain bagi mengeratkan hubungan NAFAS dengan ahli Peladang serta [masyarakat](#) setempat secarannya amnya.

Program yang diadakan sebagai pengisian bersama Karnival Anak Muda Gegor Bera itu bermula jam 8.30 pagi hingga 1 tengah hari.

Pelbagai pameran dan jualan dengan penglibatan bersama jabatan dan agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan antaranya Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Agrobank dan penglibatan sama Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) seta Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bera.

NAFAS menyediakan reruai pameran seta jualan input pertanian dengan potongan harga yang menarik.

Dalam pada itu, orang ramai boleh mendapatkan pelbagai maklumat secara terperinci mengenai pelbagai maklumat, bantuan serta pelaburan yang boleh disertai sekiranya menjadi ahli peladang.

Selain itu, turut akan diadakan jualan produk jenama Peladang yang berasaskan makanan antaranya ayam, beras, minyak masak serta input pertanian.

Pada masa sama, NEKMAT turut menjual produk ikan segar beku Q-fish dengan tawaran harga menarik, jualan terus daripada ladang oleh FAMA dan Agrobank akan membuka kaunter perkhidmatan. – Edisi 9

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2022	KOSMO	ONLINE	

Ismail Sabri tinjau Karnival Jualan Keluarga Peladang



BERA – Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini melakukan tinjauan pada Karnival Jualan Keluarga Peladang di Dataran Kerayong, di sini.

Ismail Sabri yang tiba kira-kira pukul 11 pagi beramah mesra dengan pengunjung sebelum melawat gerai pameran seperti gerai usahawan tradisional dan gerai pertubuhan peladang.

Perdana Menteri turut meninjau gerai jualan ayam yang ditawarkan dengan harga serendah RM8 seekor dan juga beras yang ditawarkan pada harga RM6 bagi satu beg lima kilogram.

Karnival Jualan Keluarga Peladang anjuran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) merupakan pengisian bersama Karnival Anak Muda Gegor Bera.

Objektif program Karnival Jualan Keluarga Peladang antara lain bagi mengeratkan hubungan Nafas dengan ahli Peladang serta masyarakat setempat secara amnya.

Pelbagai pameran dan jualan dengan penglibatan bersama jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan antaranya Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Agrobank dan penglibatan sama Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) serta Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bera. – KOSMO! ONLINE